

PERANAN DAN TUGAS PEGAWAI KEJOHANAN

Soalan 1 - 10 : Pilih jawapan yang tepat dan tuliskan huruf jawapan itu dalam kotak yang telah disediakan.

Soalan 11 - 20 : Isi ruang kosong dengan jawapan yang betul.

1. **Siapakah yang mewujudkan interaksi di kalangan semua yang terlibat melalui sistem komunikasi yang sedia ada.**

A. Pengarah Pertandingan B. Ketua Hakim

C. Pengurus Kejohanan D. Wakil Teknik

2. **Beliau mempunyai kuasa untuk menyingkirkan pegawai yang tidak mematuhi peraturan.**

A. Pengarah Pertandingan B. Ketua Hakim

C. Pengurus Kejohanan D. Wakil Teknik

3. **Alat persendirian yang dibenarkan untuk digunakan dalam pertandingan akan disemak dan ditanda oleh.....**

A. Pengarah Pertandingan B. Ketua Hakim

C. Pengurus Teknikal D. Referi Padang

4. **Siapakah yang boleh menyingkirkan se orang atlet tanpa diberikan amaran**

A. Pengarah Pertandingan B. Pengurus Kejohanan

C. Pengurus Teknikal D. Referi

5. **Pegawai ini dikehendaki menghakimi, mengukur dan merekodkan setiap percubaan yang sah.**

A. Referi Padang B. Hakim Padang

C. Pengurus Teknikal D. Ketua Hakim

6. merupakan pembantu kepada Referi tanpa mempunyai kuasa membuat keputusan akhir.

A. Hakim Padang

B. Hakim Balapan

C. Pengadil

D. Ketua Hakim Balapan

7. Amaran dan pembatalan semasa permulaan hanya hendaklah dikuatkuasakan oleh

A. Penolong Pelepas

B. Koordinator Pelepas

C. Pelepas Panggil Balik

D. Pelepas

8. Pegawai ini bertanggungjawab menyemak samada atlet-atlet bertanding dalam saringan yang betul.

A. Penolong Pelepas

B. Referi

C. Pelepas

D. Pengadil

9. Dalam acara balapan pegawai ini bertanggungjawab untuk membunyikan loceng kepada atlet yang mempunyai satu lagi pusingan

A. Pencatat Pusingan

B. Referi

C. Hakim

D. Pengadil

10. bertanggungjawab untuk mengawasi dan tidak membenarkan sesiapa yang tidak berkenaan masuk ke dalam arena pertandingan.

A. Pengarah Kejohanan

B. Referi

C. Wakil Teknik

D. Pengawas

11. Referi tidak boleh bertindak sebagai tetapi boleh mengambil apa jua tindakan untuk membuat keputusan

12. **Penyelarasan dan pengagihan tugas kepada hakim balapan adalah tanggungjawab.....**
13. **Seorang yang ditugaskan di zon pertukaran baton akan membawa bendera berwarna kuning dan putih**
14. **.....akan merekodkan semua percubaan dan menyemak catatan mereka pada akhir setiap pusingan**
15. **Penyingkatan piawai yang dicatat dalam keputusan rasmi oleh Setiausaha Pertandingan jika seorang atlet yang tidak tamat perlumbaannya.**
.....
16. **Pegawai alat penyukat angin akan merekod dan menandatangani keputusan yang diperolehi dan akan sampaikan keputusan itu kepada**
.....
17. **.....akan memastikan peserta-peserta bertanding dalam saringan atau larian yang betul.**
18. **Pegawai yang bertanggungjawab untuk mengagihkan tugas kepada pasukan pelepas ialah**
.....
19. **Pegawai yang berkuasa menyingkirkan mana-mana peserta semasa di bilik panggilan ialah.....**
20. **Siapakah yang beroperasi dari Bilik Kawalan Video serta sentiasa berkomunikasi dengan referi-referi yang lain?**
.....

PERATURAN-PERATURAN AM & ACARA BALAPAN

Soalan 1 - 10 : Pilih jawapan yang tepat dan tuliskan huruf jawapan itu dalam kotak yang telah disediakan.

Soalan 11 - 20 : Isi ruang kosong dengan jawapan yang betul.


1. Acara 10km jalan kaki diadakan di luar stadium. Apakah arahan pelepas sebelum tembakan permulaan?

- A. Sedia
- B. Kegarisan
- C. Kegarisan,sedia
- D. Tiada arahan

2. Jangka waktu untuk menyukat kederasan angin bagi acara 100m wanita ialah

- A. 13 saat
- B. 12 saat
- C. 11 saat
- D. 10 saat

3. Berikut adalah catatan masa yang dicatatkan tiga buah jam randik. Apakah Masa Rasmi?



1

2

3

- A. 10.1s
- B. 10.2s
- C. 10.3s
- D. 10.13 s

4. Blok Mula mesti digunakan dalam acara-acara berikut kecuali

- A. 800m
- B. 100m
- C. 110m Lari Berpagar
- D. 200m

5. Seorang atlet perlu melepasi Pagar dalam acara 100 meter Lompat Berpagar

- A. 8
- B. 9
- C. 10
- D. 11

6. Untuk sesuatu rekod disahkan dalam acara 110m Lari Berpagar, kederasan angin ialah...

- A. tidak melebihi 2m/s
- B. tidak melebihi 4 m/s
- C. tidak melebihi 3 m/s
- D. tidak melebihi 6 m/s

7. Bagi acara 200m, alat penyukat angin akan ditempatkan..... m dari garisan penamat

- A. 20m
- B. 30m
- C. 75m
- D. 50m

8. Bagi acara 4 x 400m, kon atau prisma diletakkan di garisan memotong sebagai penanda. Ketinggian alat-alat ini tidak boleh melebihi..... sm.

- A. 5
- B. 10
- C. 15
- D. 20

9. Peringkat separuh akhir acara 1500m tamat pada jam 10.00 pagi. Peringkat akhirnya boleh dimulakan.....

- A. 2.00 petang.
- B. Bukan pada hari yang sama
- C. 3.00 petang
- D. 11.00 pagi

10. Wanita bawah 18 (B18) bermaksud atlet yang mencapai umur pada 31Disember tahun pertandingan

- A. 16 atau 17 tahun
- B. 18 atau 19 tahun
- C. 19 atau 20 tahun
- D. 20 atau 21 tahun

11. Terdapat 42 orang peserta dalam acara 200m. Nyatakan bilangan saringan.....

12. Lebar setiap garisan putih lorong dalam balapan adalahsm

13. Seorang peserta dalam acara 400m telah bermula di lorong 4 dan telah menamatkan larian di lorong 7. Peserta itu tidak dibatalkan. Sila beri satu sebab mengapa peserta tersebut tidak dibatalkan.
.....

14. Torso adalah bahagian badan seorang peserta yang tidak termasuk
.....

15. Sebutkan satu peraturan berkenaan dengan pakaian peserta.
.....

16. Dalam acara 400m, peserta lorong 5 telah melakukan salah mula. Apakah tindakan anda sebagai Pelepas ?
.....

17. Namakan satu acara balapan di mana penanda digunakan.

.....

18. Setiap atlet hendaklah memakai dua nombor bib melainkan acara

.....

**19. Dalam acara 3000m lari berhalangan hendaklah mempunyai
lompatan penuh.**

**20. Seorang pengadil akan mengangkat bendera
jika dia terlihat sesuatu kesalahan.**

PERATURAN-PERATURAN AM & ACARA PADANG

Soalan 1 – 10 Pilih jawapan yang tepat dan tuliskan huruf jawapan itu dalam kotak yang telah disediakan.

Soalan 11 – 20 Isi ruang kosong dengan jawapan yang betul.

1. 12 orang atlet dalam pertandingan akhir Lontar Peluru diberi 3 percubaan. Berapa orang atlet akan dipilih untuk pusingan seterusnya?

- A. 3
- B. 6
- C. 8
- D. 10

2. Bilakah bendera kuning diangkat dalam acara Merejam Lembing?

- A. 1 minit selepas atlet dipanggil untuk membuat percubaan.
- B. 2 minit selepas atlet dipanggil untuk membuat percubaan.
- C. Apabila tinggal 30 saat untuk tamat tempoh untuk atlet membuat percubaan.
- D. Apabila hanya tinggal 15 saat untuk tamat tempoh untuk atlet membuat percubaan.


3. Dalam acara Lompat Kijang, setelah atlet mendarat dalam kawasan mendarat, Hakim mengangkat bendera merah. Apakah kesan penggunaan bendera merah dalam situasi ini?

- A. Percubaan itu dibatalkan.
- B. Atlet itu disingkir daripada pertandingan tersebut.
- C. Atlet diberi percubaan gantian.
- D. Percubaan itu sah.

4. Dalam pertandingan antarabangsa acara lompat kijang, jarak papan lonjak dari pangkal kawasan mendarat hendaklah tidak kurang daripada meter bagi lelaki dan meter bagi wanita.

- A. 10 m dan 9 meter.
- B. 11 m dan 9 m.
- C. 11 m dan 10 m.
- D. 13 m dan 11 m.

5. Dalam rajah berikut **L** adalah kesan daratan kepala lembing dan huruf huruf **A, B, C** serta **D** adalah kaedah ukuran dibuat. Pilih kaedah ukuran yang betul.



6. Apakah peranan penanda yang digunakan dalam acara Lompat Tinggi?

- A. Membantu atlet memulakan larian.
- B. Membantu atlet dalam larian dan lonjakan.
- C. Membantu atlet menentukan tempat lonjakan.
- D. Membantu Pegawai mengawasi larian atlet.

7. Dalam acara Lompat Bergalah, kenaikan palang yang paling minimum sebelum pemenang ditentukan ialah cm.

- A. 2
- B. 3
- C. 5
- D. 10

8. 20 orang atlet mengambil bahagian dalam pertandingan kelayakan acara Lontar Peluru. Berapakah bilangan lontaran diberi kepada setiap atlet?

- A. 2
- B. 3
- C. 6
- D. 8

9. Cakera terkena kurungan dan mendarat di dalam sektor mendarat.

- A. Lontaran itu sah.
- B. Lontaran itu dibatalkan.
- C. Diberi lontaran gantian.
- D. Atlet diberi amaran.

10. Dalam acara Lompat Bergalah jarak maksimum yang boleh diminta oleh seorang atlet menganjakkan palang dari hujung belakang petak lonjakan ke arah kawasan mendarat ialah cm.

A. 40

B. 80

C. 30

D. 60



11. Dalam acara Lompat kijang, urutan pergerakan kaki bagi atlet yang memulakan lonjakan dengan kaki kiri ialah

.....

12. Apakah keputusan anda sebagai referi sekiranya seorang atlet dalam acara lontar peluru memegang peluru rapat atau menyentuh leher atau pipi sebelum membuat lontaran.

.....

13. Tujuan utama kurungan digunakan untuk acara Lempar Cakera dan Baling Tukul Besi ialah

.....


.....

14. Sudut sektor bagi acara-acara padang (balingan dan lontaran) adalah sama iaitu 34.92° kecuali bagi acara

.....

15. Namakan satu acara yang menggunakan Lompatan Sisi untuk memutuskan seri

.....



16. Panjang bahagian yang berlabel A _____ m.
17. Referi atau Wakil Teknikal berkuasa untuk mengubah tempat pertandingan atas alasan tertentu selepas
.....
18. Bagaimana seri di tempat pertama dalam acara Lompat Tinggi diputuskan ?
.....
19. Namakan alat elektronik yang digunakan untuk mengukur jarak dalam acara Merejam Lembing ?
.....
20. Atlet dalam acara Lompat Tinggi membuat larian tetapi tidak melonjak setelah menyentuh palang dengan tangannya dan palang itu tidak jatuh. Apakah keputusan anda sebagai Referi ?
.....

**ACARA CAMPURAN / ACARA JALAN KAKI / PERLUMBAAN
JALANRAYA / MERENTAS DESA**

Soalan 1 - 10 : Pilih jawapan yang tepat dan tuliskan jawapan di dalam kotak yang disediakan.

Soalan 11 - 20 : Isi ruang kosong dengan jawapan yang betul.

1. Terdapat 15 orang peserta mengambil bahagian dalam acara 20,000m Jalan Kaki. Kita memerlukan minima..... Pencatat Pusingan.

A. 2

B. 3

C. 4

D. 5

2. Dalam perlumbaan Lumba Jalankaki yang dijalankan di atas jalan raya, lazimnyaorang hakim perlu dilantik.

A. 6

B. 5

C. 7

D. 9

3. Berapakah acara padang yang terdapat dalam acara campuran Dekathlon?

A. 10

B. 7

C. 4

D. 6

4. Pegawai yang berkuasa untuk menyusun semula kumpulan dalam acara Bercampur adalah _____.

A. Pengarah pertandingan

B. Referi acara Bercampur

C. Pengurus kejohanan

D. Referi Balapan

5. Masa yang tercatat bagi acara Marathon adalah 2:31:07.9 s. Jadi masa rasmi adalah

A. 2:31 min

B. 2:31:07.9 s

C. 2:32 min

D. 2:31:08s

6. Dalam Acara Bercampur, jika peralatan Foto Penamat tidak digunakan, masa setiap peserta perlu diambil oleh _____ orang penjaga masa.

A. 4

B. 2

C. 3

D. 5

7. Bagi acara Merentas Desa di mana terdapat ramai peserta, halangan yang akan mengganggu larian peserta hendaklah dielakkan pada _____ pertama.

A. 100 m

B. 1500 m

C. 1000 m

D. 10 m

8. Jarak larian bagi perlumbaan Merentas Desa wanita ialah _____.

A. 21 km

B. 10 km

C. 42.195 km

D. 8 km

9. Bagi lari berganti-ganti Jalan Raya, garisan selebar _____ hendaklah dibuat merentasi haluan bagi menandakan jarak setiap peringkat dan untuk menandakan garisan gores.(scratch line)

A. 50 mm


B. 10 mm

C. 75 mm

D. 100 mm

10. Jika seorang pelumba Jalan Kaki menunjuk sikap kurang sopan semasa perlumbaan, dia akan diberi amaran oleh.....

- A. Hakim Jalan Kaki B. Ketua Hakim Jalan Kaki
 C. Referi acara tersebut D. Pengadil di tempat kejadian



UNTUK SOALAN 11 HINGGA 14 SILA LIHAT JADUAL BERIKUT

| Acara | Acara Pertama Hari Pertama | Acara Akhir Hari Pertama | Acara Akhir Hari Kedua | Masa rehat antara setiap acara |
|-----------|----------------------------|--------------------------|------------------------|--------------------------------|
| Heptatlon | 100 m berpagar | 11. _____ | 800 m | 12. _____ |
| Dekatlon | 13. _____ | 400 m | 14. _____ | |

15. Untuk mencatat satu rekod dalam Acara Campuran, had kelajuan angin tidak boleh melebihi m sesaat.

16. Dalam acara Marathon bilangan stesen persegaran yang perlu disediakan sepanjang laluan ialah

17. Seorang peserta dalam acara 10 km Jalan Kaki akan dibatalkan jika ia menerima 3 kad merah dari tiga.....

18. Apakah langkah pertama untuk menyelesaikan seri dalam acara bercampur?

19. Bagi acara Lompat Bergalah dalam acara campuran, kenaikan palang adalahsm.

20. Jika ada atlet yang gagal bermula atau membuat percubaannya dalam salah satu acara campuran, beliau

.....

BAHAGIAN E

20 MARKAH

ASPEK PRAKTIKAL

1. Di bawah ini diberi kad keputusan acara Melempar Cakera. Isikan jarak terbaik dan kedudukan bagi setiap peserta.

| Giliran | Nama Peserta | Percubaan (meter) | | | | | | Kedudukan |
|---------|--------------|-------------------|-------|-------|-------|-------|-------|-----------|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | |
| 1 | Azizah | 34.46 | 34.42 | X | 31.14 | 41.14 | - | |
| 2 | Sarah | X | 38.15 | 28.42 | X | 36.46 | 35.43 | |
| 3 | Pranavi | 28.22 | 41.14 | 35.60 | 40.13 | 31.25 | 35.81 | |
| 4 | Cathrine | 38.15 | 40.13 | X | 35.16 | X | 35.10 | |
| 5 | Mei Lin | 41.14 | 35.62 | 36.00 | 35.65 | 35.35 | 35.50 | |

(5 markah)

2. Di bawah diberi pencapaian peserta-peserta dalam acara Lompat Tinggi. Tentukan kedudukan masing – masing.

| No | Peserta <i>Competitor</i> | Ketinggian / <i>Height</i> | Kedudukan <i>Position</i> |
|----|------------------------------|----------------------------|------------------------------|
|----|------------------------------|----------------------------|------------------------------|


| | | <i>(Meter)</i> | | | | | | | |
|---|---------|----------------|------|------|------|------|------|------|--|
| | | 1.80 | 1.85 | 1.90 | 1.95 | 2.00 | 2.03 | 2.06 | |
| 1 | Ah Kow | O | O | O | XO | XXO | XXO | XXX | |
| 2 | Raman | - | - | O | X | X | O | | |
| 3 | Lau | O | XO | O | XXO | XXO | XXO | XXX | |
| 4 | Ali | - | - | O | XO | XXO | XO | XXX | |
| 5 | Karthik | - | - | XO | XO | XO | XO | XXX | |

(5 markah)

3. Catat masa rasmi untuk acara-acara berikut dalam ruang yang disediakan. Semua masa berikut direkodkan dengan menggunakan jam digital.

| ACARA | JAM 1 | JAM 2 | JAM 3 | MASA RASMI |
|----------|----------|----------|----------|---------------|
| 100 m | 10.40 | 10.51 | 10.49 | |
| 200 m | 21.92 | 21.72 | 21.78 | |
| 400 m | 47.30 | 47.02 | 47.16 | |
| 1500 m | 3:48.57 | 3:49.49 | 3:48.57 | |
| 10 000 m | 30:40.19 | 30:40.12 | 30:40.21 | |

(5 markah)



4. Berdasarkan gambar rajah balapan di atas, tuliskan nombor-nombor mengikut nama-nama tempat yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

| | | |
|----|--------------------------------------|--|
| a. | Tempat letak Alat Penyukat Angin | |
| b. | Permulaan 100 Lari Berpagar | |
| c. | Kawasan pertandingan Merejam Lembing | |
| d. | Garisan permulaan 1500m | |
| e. | Kawasan Pertandingan Lompat Tinggi | |
| f. | Kawasan Pertandingan Lempar Cakera | |
| g. | Permulaan 10,000m | |

| | | |
|-----------|----------------------------------|--|
| | | |
| h. | Tempat duduk Penjaga Masa | |
| i | Permulaan 5,000m | |
| j | Permulaan 200m | |

(5 markah)

Jawapan

2017 (1)

| Bil. | Jawapan A | Bil. | Jawapan B |
|-------------|-------------------------|-------------|--------------------------------|
| 1 | A | 1 | B |
| 2 | C | 2 | D |
| 3 | C | 3 | B |
| 4 | D | 4 | A |
| 5 | B | 5 | C |
| 6 | C | 6 | A |
| 7 | D | 7 | D |
| 8 | A | 8 | C |
| 9 | A | 9 | B |
| 10 | D | 10 | A |
| 11 | HAKIM/PENGADIL | 11 | 6 |
| 12 | KETUA HAKIM | 12 | 5 |
| 13 | PENGADIL | 13 | TIADA KELEBIHAN/TIADA HALANGAN |
| 14 | HAKIM PADANG | 14 | RULE 164 |
| 15 | DNF | 15 | RULE NO 143 |
| 16 | SETIAUSAHA PERTANDINGAN | 16 | DIBATAL |

| | | | |
|----|------------------------|----|-------------------------------|
| 17 | PENOLONG PELEPAS | 17 | 4 X 100 / 4x 200 |
| 18 | KOORDINATOR PELEPASAN | 18 | LOMPAT TINGGI/LOMPAT BERGALAH |
| 19 | REFERI BILIK PANGGILAN | 19 | 35 |
| 20 | REFERI VIDEO | 20 | KUNING |

2017 (1)

| Bil. | Jawapan C | Bil. | Jawapan D |
|------|-----------------|------|----------------------------------|
| 1 | C | 1 | B |
| 2 | D | 2 | A |
| 3 | A | 3 | D |
| 4 | D | 4 | B |
| 5 | B | 5 | D |
| 6 | B | 6 | C |
| 7 | C | 7 | B |
| 8 | B | 8 | B |
| 9 | A | 9 | A |
| 10 | B | 10 | C |
| 11 | KIRI – KANAN | 11 | 200M |
| 12 | DIBENARKAN | 12 | 30 MINIT |
| 13 | KESELAMATAN | 13 | 100M |
| 14 | MEREJAM LEMBING | 14 | 1500M |
| 15 | LOMPAT TINGGI | 15 | 4M /S |
| 16 | 0.75 | 16 | 8 |
| 17 | 1 PUSINGAN | 17 | 3 ORANG HAKIM |
| 18 | LOMPATAN SISI | 18 | MENANG LEBIH BANYAK ACARA |
| 19 | EDM | 19 | 10 SM |
| 20 | BATALKAN | 20 | AKAN DISINGKIR DARI PERTANDINGAN |

BAHAGIAN E

| SOALAN 1 | SOALAN 2 | SOALAN 3 | SOALAN 4 |
|--------------------|----------|----------------|--------------|
| 41.14 – (3) | 4 | 10.5 | A. 4 |
| 38.15 – (5) | 1 | 21.8 | B. 2 |
| 41.14 – (1) | 5 | 47.2 | C. 21 |
| 4013 – (4) | 2 | 3:48.6 | D. 8 |
| 41.14 – (2) | 2 | 30:40.2 | E. 17 |
| | | | F. 18 |
| | | | G. 6 |
| | | | H. 16 |
| | | | I. 11 |
| | | | J. 12 |